

Dr. Mahathir stabil, pindah ke wad biasa IJN

Oleh S. ANAND KUMAR dan YAZID ALIAS

KUALA LUMPUR 10 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (*kiri*) yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini awal pagi semalam kerana mengalami serangan jantung yang ringan dipindahkan ke wad biasa malam ini.

Dr. Mahathir, 81, yang sejak semalam menjalani rawatan perubatan di Unit Rawatan Koronari (CCU) dipindahkan ke wad biasa

setelah doktor yang merawatnya berpuas hati dengan tahap kesihatannya.

Anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir mengesahkan pemindahan bapanya ke wad biasa.

Mukhriz berkata, mulai hari ini keluarganya juga melarang Dr. Mahathir membaca surat khabar buat sementara waktu dan menasihatkan bapanya hanya membaca buku bagi memastikan kesihatannya sentiasa dalam keadaan baik.

Mukhriz enggan mengulas lanjut mengenai tindakan tersebut dan hanya berkata: "Dia kini

sedang relaks, tetapi kami tidak berinya membaca surat khabar, maafya (kepada media)."

"Fokus kami sekarang untuk pastikan ayah pulih sepenuhnya," katanya kepada pemberita di IJN.

Beliau menambah, "Kami amat gembira dengan kesihatan beliau dan nampaknya tiada kesan negatif daripada ubat yang diambil. Bagaimanapun, kami tidak pasti bila beliau akan keluar wad, semuanya bergantung kepada nasihat doktor."

Mukhriz memberitahu, beliau menerima

Dr. Mahathir stabil, pindah ke wad biasa IJN

hampir 800 khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada pelbagai pihak yang prihatin terhadap kesihatan Dr. Mahathir.

Ditanya mengenai kehadiran Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO minggu depan, beliau berkata, buat masa ini bapanya belum berkata apa-apa mengenai perkara itu.

"Kita akan mendengar nasihat doktor untuk mengetahui sama ada beliau boleh menghadiri perhimpunan itu.

"Pada waktu ini kami sekeluarga sedang menumpukan perhatian terhadap kesihatannya," kata Mukhriz.

Dalam pada itu, Pengurus Perhubungan Komunikasi Korporat IJN, Alawiyah Yusoff berkata, doktor yang merawat bekas Perdana Menteri itu puas hati dengan tahap kesihatan beliau.

Katanya, pagi tadi Dr. Mahathir telah menjalani pemeriksaan darah, x-ray dan ekokardiografi. Keadaannya dilaporkan stabil.

Ekokardiografi adalah sejenis pemeriksaan perubatan yang menggunakan gelombang *ultra-sound* untuk mengkaji dan memaparkan tindakan jantung apabila berdenyut.

Menurut Alawiyah, ujian perubatan yang dilakukan ke atas bekas Perdana Menteri itu mendapati Dr. Mahathir menghadapi serangan jantung yang ringan.

Sementara itu, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor turut meluangkan masa kira-kira sejam melawat Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

"Dr. Mahathir sedang tidur. Dr. Siti pula kelihatan tenang. Dalam Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), kita sentiasa memberi sokongan 'moral' antara satu sama lain," katanya.

Ditanya adakah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melawat Dr. Mahathir, beliau berkata:

"Hari ini jadual beliau (Najib) ketat, beliau ada program petang ini. Kemungkinan esok beliau akan datang melawat Dr. Mahathir."

Turut melawat bekas Perdana Menteri itu hari ini ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin; bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah; Ahli Parlimen Kalabakan, Datuk Abdul Ghapur Salleh; Pengerusi Biro Pertanian Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Pirdaus Ismail dan perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Maidin.

Beberapa pemimpin DAP turut hadir antaranya Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang; Ahli Parlimen Kepong, Dr. Tan Seng Giaw dan Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai.

Kit Siang yang juga Ahli Parlimen Ipoh Timur memberitahu pemberita bahawa beliau sempat berbual-bual dengan bekas Perdana Menteri itu di biliknya.

"Kami bersembang selama beberapa minit. Ketika saya masuk berjumpa dengan beliau, Dr. Mahathir sedang duduk di atas kerusi bersebelahan tilamnya dan sedang membaca buku.

"Beliau kelihatan sihat," katanya.